KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

# PELAN

## NGO RAKAN PERPADUAN (*FRIENDS OF UNITY*) 2022 - 2030

KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA

# PELAN

## NGO RAKAN PERPADUAN
## (*FRIENDS OF UNITY*)
## 2022 – 2030

ISBN 978-967-2709-09-1

Hak cipta Kementerian Perpaduan Negara

**Hak Cipta Terpelihara**
Semua hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa-apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan daripada Kementerian Perpaduan Negara.

**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**
Aras 5 – 10, Blok F9, Kompleks F,
Lebuh Perdana Timur, Presint 1,
62000 Wilayah Persekutuan Putrajaya

KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA

# PELAN
## NGO RAKAN PERPADUAN (*FRIENDS OF UNITY*) 2022 – 2030



# KANDUNGAN


**PENGENALAN** 1

Objektif 3

Ringkasan Eksekutif 5

Badan Bukan Kerajaan (NGO) 7

**PELAN NGO RAKAN PERPADUAN (*FRIENDS OF UNITY*) 2022 – 2030** 11

Pemetaan Pelan NGO Rakan Perpaduan (*Friends of Unity*) 2022 – 2030 13

Intipati Pelan NGO Rakan Perpaduan (*Friends of Unity*) 2022 – 2030 15

Teras Pelan NGO Rakan Perpaduan (*Friends of Unity*) 2022 – 2030 17

Keberhasilan dan Sasaran 19

**TERAS, STRATEGI DAN PROGRAM** 21

**TERAS 1: MEPERKUKUH KEPIMPINAN NGO SEBAGAI PEMANGKIN PERPADUAN** **23**

Strategi 1: Memperkaya Pengetahuan Pemimpin NGO 27

Strategi 2: Memperkasa Nilai Integriti dan Kepimpinan NGO 29

Strategi 3: Meningkatkan Kualiti Kepimpinan dan Tadbir Urus NGO 31

Keberhasilan Teras Pertama 33

**TERAS 2: MEMPERTEGUH PERANAN NGO DALAM MEMBINA TAPAK INTEGRASI NASIONAL** **35**

Strategi 1: Mempergiatkan Hubungan Dan Kerjasama Dalam Kalangan Jaringan NGO 39

Strategi 2: Memperluas jangkauan NGO di pelbagai sektor 43

Keberhasilan Teras Kedua 49

**TERAS 3: MENDAYAUPAYAKAN PERANAN NGO SEBAGAI BARISAN HADAPAN KESELAMATAN DAN KEHARMONIAN KOMUNITI** 51

Strategi 1: Mempersiapsiagakan NGO sebagai Barisan Hadapan Keselamatan Komuniti 55

Strategi 2: Memantapkan NGO sebagai Penggerak Keharmonian Komuniti 57

Keberhasilan Teras Ketiga 61

**TERAS 4: MELESTARIKAN EKOSISTEM JARINGAN NGO SEBAGAI RAKAN PERPADUAN** 63

Strategi 1: Memperluas dan Mempergiatkan Jaringan NGO dalam Komuniti 67

Strategi 2: Membantu Meningkatkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan 71

Strategi 3: Mengukuhkan Komunikasi dan Penyampaian Efektif 73

Keberhasilan Teras Keempat 75

**TERAS 5: MEMPERKASA FUNGSI NGO DALAM MEMPROMOSI KESEJAHTERAAN** 77

Strategi 1: Mengukuh Keupayaan NGO dalam Meningkatkan Kesejahteraan Holistik Masyarakat 81

Strategi 2: Mempergiatkan Penglibatan NGO dalam Memperkasa Ekonomi Masyarakat 85

Strategi 3: Memperkukuh Peranan NGO dalam Menangani Masalah Sosial 89

Keberhasilan Teras Kelima 91

**PENUTUP** 93

**GLOSARI** 95



# PRAKATA
# KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan

Badan Bukan Kerajaan (NGO) adalah persatuan sukarelawan bukan kerajaan yang mempunyai peranan penting dalam pembangunan masyarakat khususnya bagi merealisasikan agenda perpaduan. Justeru, NGO hendaklah memainkan peranan yang penting dalam memastikan keharmonian rakyat berbilang kaum sentiasa dipelihara melalui setiap program yang dirancang.

**Pelan NGO Rakan Perpaduan (*Friends of Unity*) 2022-2030** ini merupakan inisiatif Kementerian Perpaduan Negara untuk memperkasakan NGO sebagai rakan strategik perpaduan melalui teras, strategi dan program-program yang lebih berstruktur dan berfokus. Strategi yang disusun adalah selari dengan matlamat dan aspirasi yang digariskan di bawah Dasar Perpaduan Negara, Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030 dan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030.

Oleh yang demikian besarlah harapan saya agar NGO pada semua peringkat dapat memainkan peranan masing-masing dengan lebih aktif untuk memastikan pelan ini dapat diterjemahkan secara efektif. Pelan ini boleh dijadikan panduan dan rujukan kepada semua NGO dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab untuk menyemarakkan semangat perpaduan dan cintakan negara pada peringkat individu, keluarga dan komuniti. Dengan komitmen dan kesungguhan semua pihak, maka aspirasi Kerajaan untuk membina masyarakat Malaysia yang sejahtera, selamat dan bersatu padu dapat direalisasikan secara kolektif.

**DATO' INDERA NORIDAH BINTI ABDUL RAHIM**

**Kerjasama dan penglibatan semua pihak termasuk NGO** amat penting dalam menyokong usaha-usaha Kerajaan untuk memupuk semangat perpaduan.

Inisiatif *Friends of Unity (FoU)* ini **merupakan pengiktirafan Kementerian Perpaduan Negara ke atas peranan penting NGO** dalam usaha berterusan melaksanakan program-program perpaduan di kalangan masyarakat hingga ke peringkat akar umbi

**DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE**

**SESI RAMAH MESRA BERSAMA**
**FRIENDS OF UNITY (FoU) NEGERI PERAK**
**PADA 16 OKTOBER 2021**







# PENGENALAN

PELAN
NGO RAKAN PERPADUAN (*FRIENDS OF UNITY*)
2022 – 2030

- OBJEKTIF
- RINGKASAN EKSEKUTIF
- BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO)



# OBJEKTIF

PELAN
NGO RAKAN PERPADUAN
(*FRIENDS OF UNITY*)
2022 – 2030

# OBJEKTIF

Pelan NGO Rakan Perpaduan (*Friends of Unity*) 2022 - 2030 merupakan inisiatif Kementerian Perpaduan Negara untuk memperkasa dan mengukuhkan lagi peranan NGO sebagai sebuah organisasi sukarela dalam masyarakat sebagai penggerak dalam merealisasikan agenda perpaduan nasional. Pelan ini dirangka dengan hala tuju yang jelas merangkumi teras, strategi dan program yang boleh dilaksanakan bagi memacu keberkesanan agenda perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia.



# RINGKASAN EKSEKUTIF

PELAN
NGO RAKAN PERPADUAN
(*FRIENDS OF UNITY*)
2022 – 2030

# RINGKASAN EKSEKUTIF



Pelan NGO Rakan Perpaduan (Friends of Unity) 2022 – 2030 merupakan inisiatif Kementerian Perpaduan Negara untuk memperkasa dan memperkukuh peranan Badan Bukan Kerajaan (NGO) sebagai sebuah organisasi sukarela dalam mendukung Dasar Perpaduan Negara 2021–2030. NGO juga memainkan peranan penting bagi mengetengahkan, mempromosi serta mengarusperdanakan kepelbagaian budaya yang dimiliki oleh masyarakat Malaysia. Kerjasama strategik ini dilihat penting bagi memastikan gabungan kepakaran semua pihak dapat digunakan sepenuhnya melalui penyampaian perkhidmatan yang berkesan kepada kumpulan sasaran dalam memastikan agenda perpaduan nasional dapat dicapai.

Pelan ini telah dirangka dengan hala tuju yang jelas merangkumi teras, strategi dan program yang boleh dilaksanakan untuk memacu keberkesanan agenda perpaduan nasional melalui penglibatan NGO. Pelan ini menggariskan lima (5) teras seperti berikut:

**TERAS 1: Memperkukuh kepimpinan NGO sebagai pemangkin perpaduan**

**TERAS 2: Memperteguh peranan NGO dalam membina tapak integrasi nasional**

**TERAS 3: Mendayaupayakan peranan NGO sebagai barisan hadapan keselamatan dan keharmonian komuniti**

**TERAS 4: Melestarikan ekosistem jaringan NGO sebagai rakan perpaduan**

**TERAS 5: Memperkasakan fungsi NGO dalam mempromosikan kesejahteraan**

Lima (5) teras ini adalah selari dengan Dasar Perpaduan Negara dan juga Rangka Tindakan *(Blueprint)* Perpaduan Negara 2021–2030. Sebanyak tiga belas (13) strategi telah dirangka bagi merealisasikan hasrat untuk menjadikan NGO sebagai rakan yang penting dan inklusif serta berupaya menyampaikan perkhidmatan yang cemerlang kepada komuniti sekaligus menyumbang kepada kesejahteraan, keharmonian dan kemakmuran negara. Pelbagai program yang digariskan di dalam pelan ini berupaya menyerlahkan lagi peranan NGO sebagai rakan kerjasama strategik dan bersepadu dalam menyemarakkan perpaduan di peringkat komuniti dan masyarakat.

# BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO)

PELAN
NGO RAKAN PERPADUAN
*(FRIENDS OF UNITY)*
2022 – 2030

# BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO)

Badan Bukan Kerajaan (NGO) ialah persatuan, organisasi dan gerakan sukarelawan bukan kerajaan. NGO adalah merupakan badan organisasi yang tidak mempunyai kepentingan politik mahupun keuntungan dalam memberi khidmat terhadap masyarakat sama ada dalam bentuk bantuan perkhidmatan mahupun memantapkan sesuatu polisi awam. NGO memainkan peranan penting untuk membantu menggerakkan agenda Kerajaan bagi mencapai matlamat pembangunan negara.

Dua (2) peranan utama NGO di Malaysia adalah sebagai penghubung antara komuniti dengan pemegang taruh dan menjadi agen perubahan melalui penganjuran kempen, memakmurkan keadilan sosial serta advokasi awam. NGO yang berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia perlu mematuhi Akta Pertubuhan 1966 (Akta 335), Peraturan-peraturan Pertubuhan 1984 atau Perlembagaan Pertubuhan dan Akta Hasutan 1948.

Kategori pertubuhan adalah seperti politik, faedah bersama (khairat kematian), hak asasi, keagamaan, ikhtisas, kebajikan, kebudayaan dan kesenian, keselamatan, perdagangan, rekreasi dan sosial. Selain itu, terdapat juga pertubuhan di bawah Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia. Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia adalah bertujuan untuk memastikan pertubuhan belia yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 bergerak secara efisien dan efektif sejajar dengan matlamat pembangunan belia serta peruntukan dalam Akta.

# DASAR PERPADUAN NEGARA DAN NGO

Pelan NGO Rakan Perpaduan *(Friends of Unity)* 2022-2030 berperanan sebagai penggerak dalam merealisasikan agenda perpaduan nasional yang digariskan dalam Dasar Perpaduan Negara.

## TERAS PERPADUAN 1: PATRIOTISME DAN DEMOKRASI

**STRATEGI 3:** MEMPERKUKUH INTEGRASI NASIONAL

Usaha-usaha merapatkan jurang perbezaan dan menggalakkan proses integrasi di setiap wilayah dan negeri antara pelbagai etnik perlu dipertingkatkan bagi mengukuhkan perpaduan negara dan integrasi nasional. Perpaduan dan integrasi nasional yang mantap memerlukan kekuatan hubungan masyarakat yang berpaksikan toleransi dan persefahaman yang tinggi yang akhirnya akan membentuk rakyat Malaysia yang bersatu padu.

## TERAS PERPADUAN 2: IDENTITI NASIONAL

**STRATEGI 2:** MENGUKUHKAN KEFAHAMAN AGAMA, BUDAYA DAN ADAT RESAM PELBAGAI ETNIK

Sektor swasta dan **NGO** juga memainkan peranan penting untuk mengetengah, mempromosi dan mengarusperdanakan kepelbagaian budaya.

## TERAS PERPADUAN 3: EKOSISTEM PERPADUAN

**STRATEGI 3:** MEMPERKASAKAN JENTERA PERPADUAN MELALUI KERJASAMA STRATEGIK

Kerjasama strategik dan kreatif bersama-sama sektor swasta dan **NGO** serta masyarakat sivil perlu dipertingkatkan agar kepakaran semua pihak dapat digunakan sepenuhnya melalui penyampaian perkhidmatan yang berkesan kepada kumpulan sasar. Setiap komuniti mempunyai isu dan cabaran perpaduan yang berbeza. Oleh itu, intervensi dan kaedah penyelesaian adalah berbeza dan khusus mengikut kesesuaian.

## PEMBOLEH DAYA PERPADUAN

Agensi Kerajaan serta **NGO** seharusnya bekerjasama dan memainkan peranan serta menyumbangkan kepakaran masing-masing. Hal ini penting untuk memastikan akses serta mekanisme perkhidmatan bantuan sosial dapat dilaksanakan dengan telus dan lebih berkesan. Perkongsian data antara agensi Kerajaan Persekutuan dan negeri juga penting agar masalah sosial dapat diselesaikan dan mengelakkan berlakunya pertindihan serta ketirisan.



KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA

# PELAN
# NGO RAKAN PERPADUAN (*FRIENDS OF UNITY*) 2022 - 2030





# PEMETAAN

PELAN
NGO RAKAN PERPADUAN
*(FRIENDS OF UNITY)*
2022 – 2030

# PEMETAAN PELAN NGO RAKAN PERPADUAN (*FRIENDS OF UNITY*) 2022-2030

## TERAS 1
**MEMPERKUKUH KEPIMPINAN NGO SEBAGAI PEMANGKIN PERPADUAN**

### STRATEGI 1
**Memperkaya pengetahuan pemimpin NGO**

- Kursus Kepimpinan (NGO)
- CAKNA ICT
- Kursus Silang Budaya

### STRATEGI 2
**Memperkasa nilai integriti dan kepimpinan NGO**

- Program Budaya Integriti (BudI)
- Program Bakat
- Kepimpinan Wibawa dan Sejahtera (WiSe)

### STRATEGI 3
**Meningkatkan kualiti kepimpinan dan tadbir urus NGO**

- Forum Kepimpinan NGO
- Latihan Kemahiran Mediasi

## TERAS 2
**MEMPERTEGUH PERANAN NGO DALAM MEMBINA TAPAK INTEGRASI NASIONAL**

### STRATEGI 1
**Mempergiatkan hubungan dan kerjasama dalam kalangan jaringan NGO**

- Program SEDAYA
- NGO - Xchange
- Sidang Kemuncak (*Summit*) Belia

### STRATEGI 2
**Memperluas jangkauan NGO di pelbagai sektor**

- Taman Uniti
- Sukan Uniti
- Debat Perpaduan
- Lawatan
- Jamuan Rakyat
- Muzik/Tarian Etnik
- Sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia
- Program ALAM
- Program TANGKAS

## TERAS 3
**MENDAYAUPAYAKAN PERANAN NGO SEBAGAI BARISAN HADAPAN KESELAMATAN DAN KEHARMONIAN KOMUNITI**

### STRATEGI 1
**Mempersiapsiagakan NGO sebagai barisan hadapan keselamatan komuniti**

- Kursus Persediaan dan Pengurusan Bencana
- Program Anti Dadah
- Mengurus Isu Keselamatan Komuniti

### STRATEGI 2
**Memantapkan NGO sebagai penggerak keharmonian komuniti**

- Muhibah *Walk*
- Wayang@ Harmoni
- Kejiranan Prihatin
- Gotong-royong Perdana
- Kenduri Rakyat

## TERAS 4
**MELESTARIKAN EKOSISTEM JARINGAN NGO SEBAGAI RAKAN PERPADUAN**

### STRATEGI 1
**Memperluas dan mempergiatkan jaringan NGO dalam komuniti**

- i-NGO
- edNGO
- Persidangan
- Lawatan Kerjasama Antarabangsa
- Program Muafakat

### STRATEGI 2
**Membantu meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan**

- Program NGO4U
- Karnival Jelajah NGO
- NGO *Outreach*
- Bantuan Dana Program

### STRATEGI 3
**Mengukuhkan komunikasi dan penyampaian efektif**

- NGO Perpaduan
- NGO *Broadcast*
- Poster dan Video Pendek
- Program TUNAS

## TERAS 5
**MEMPERKASA FUNGSI NGO DALAM MEMPROMOSIKAN KESEJAHTERAAN**

### STRATEGI 1
**Mengukuh keupayaan NGO dalam meningkatkan kesejahteraan holistik masyarakat**

- Seruan Advokasi Psikologi
- Fit Sejahtera@ NGO
- Kesejahteraan Mental Komuniti@ NGOPrihatin

### STRATEGI 2
**Mempergiatkan penglibatan NGO dalam memperkasa ekonomi masyarakat**

- Perkasa Ekonomi
- Ekonomi Digital
- Perantis Usahawan Muda
- Karnival Kerjaya (Jom Cari Kerja)
- Ekonomi Setempat

### STRATEGI 3
**Memperkukuh peranan NGO dalam menangani masalah sosial**

- Muafakat Membawa Berkat
- Keselamatan Siber
- Cakna dan Mesra (NGO CakRa)

# INTIPATI

PELAN
NGO RAKAN PERPADUAN
(*FRIENDS OF UNITY*)
2022 – 2030

# INTIPATI PELAN
# NGO RAKAN PERPADUAN (*FRIENDS OF UNITY*)
# 2022 - 2030

**TERAS**

5

**STRATEGI**

13

**PROGRAM**

52

# TERAS

PELAN
NGO RAKAN PERPADUAN
*(FRIENDS OF UNITY)*
2022 – 2030

## TERAS PELAN
## NGO RAKAN PERPADUAN (*FRIENDS OF UNITY*) 2022 - 2030

**TERAS 1**
**Memperkukuh kepimpinan NGO sebagai pemangkin perpaduan**

**TERAS 2**
**Memperteguh peranan NGO dalam membina tapak integrasi nasional**

**TERAS 3**
**Mendayaupayakan peranan NGO sebagai barisan hadapan keselamatan dan keharmonian komuniti**

**TERAS 4**
**Melestarikan ekosistem jaringan NGO sebagai rakan perpaduan**

**TERAS 5**
**Memperkasa fungsi NGO dalam mempromosikan kesejahteraan**

# KEBERHASILAN DAN SASARAN

PELAN
NGO RAKAN PERPADUAN
*(FRIENDS OF UNITY)*
2022 – 2030

# KEBERHASILAN DAN SASARAN

## TERAS 1
### MEMPERKUKUH KEPIMPINAN NGO SEBAGAI PEMANGKIN PERPADUAN

Memperkukuh kepimpinan NGO dalam memperkasa dan meningkatkan pengetahuan, integriti, kualiti kepimpinan dan tadbir urus NGO

## TERAS 2
### MEMPERTEGUH PERANAN NGO DALAM MEMBINA TAPAK INTEGRASI NASIONAL

Memperteguh dan meluaskan peranan NGO melalui kerjasama NGO dalam membina tapak integrasi nasional

## TERAS 3
### MENDAYAUPAYAKAN PERANAN NGO SEBAGAI BARISAN HADAPAN KESELAMATAN DAN KEHARMONIAN KOMUNITI

Mempersiapsiaga dan memantapkan peranan NGO sebagai barisan hadapan bagi isu keselamatan dan keharmonian

## TERAS 4
### MELESTARIKAN EKOSISTEM JARINGAN NGO SEBAGAI RAKAN PERPADUAN

Memperluas dan mempergiatkan jaringan NGO dalam penyampaian perkhidmatan dan komunikasi yang berkesan dan efektif

## TERAS 5
### MEMPERKASA FUNGSI NGO DALAM MEMPROMOSIKAN KESEJAHTERAAN

Meningkatkan keupayaan NGO dalam memperkasa ekonomi dan menangani masalah sosial demi kesejahteraan yang holistik

# TERAS, STRATEGI DAN PROGRAM

PELAN
NGO RAKAN PERPADUAN (*FRIENDS OF UNITY*)
2022 – 2030



# TERAS 1

## MEMPERKUKUH KEPIMPINAN NGO SEBAGAI PEMANGKIN PERPADUAN



# TERAS 1

## MEMPERKUKUH KEPIMPINAN NGO SEBAGAI PEMANGKIN PERPADUAN



Teras Pertama memberi tumpuan kepada usaha memperkukuh kepimpinan NGO sebagai pemangkin perpaduan. Teras ini mengandungi tiga (3) strategi utama iaitu: (i) memperkaya pengetahuan pemimpin NGO; (ii) memperkasa nilai integriti dan kepimpinan NGO; dan (iii) meningkatkan kualiti kepimpinan dan tadbir urus NGO. Setiap strategi yang digariskan memfokuskan kepada komponen asas yang penting dalam memperkasa ciri-ciri pemimpin yang berkualiti seperti efektif, bertanggungjawab dan berintegriti.

Selain itu, teras ini juga memberi penekanan kepada kerjasama strategik antara pemimpin NGO dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk mencapai maksud perpaduan masyarakat melalui tema kepimpinan. Justeru, sebanyak lapan (8) program dikenal pasti berpotensi bagi menyokong Teras Pertama agar pengukuhan kepimpinan NGO dalam memangkin perpaduan masyarakat di Malaysia mencapai matlamatnya.

# STRATEGI

## STRATEGI 1

Memperkaya pengetahuan pemimpin NGO

**3 Program**

## STRATEGI 2

Memperkasa nilai integriti dan kepimpinan NGO

**3 Program**

## STRATEGI 3

Meningkatkan kualiti kepimpinan dan tadbir urus NGO

**2 Program**


IKRAR RUKUN NEGARA
Maka kami, rakyat Malaysia
berikrar akan menumpukan
seluruh tenaga dan usaha kami
untuk mencapai cita-cita tersebut
berdasarkan atas prinsip-prinsip
berikut:
KEPADA TUHAN
RAJA DAN NEGARA
KESUSILAAN

# TERAS 1

MEMPERKUKUH KEPIMPINAN NGO SEBAGAI PEMANGKIN PERPADUAN

---

# STRATEGI 1

MEMPERKAYA PENGETAHUAN PEMIMPIN NGO

# STRATEGI 1

## MEMPERKAYA PENGETAHUAN PEMIMPIN NGO

| TERAS 1: MEMPERKUKUH KEPIMPINAN NGO SEBAGAI PEMANGKIN PERPADUAN | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **STRATEGI 1:MEMPERKAYA PENGETAHUAN PEMIMPIN NGO** | | | | | |
| **Program** | **Objektif** | **Kumpulan Sasar** | **Cadangan Peluang Kerjasama** | **Jangka Masa** | **Output** |
| Kursus Kepimpinan NGO | 1. Memberi pengetahuan kepada pemimpin NGO berkenaan kemahiran dan gaya kepimpinan serta motivasi kendiri.<br>2. Meningkatkan motivasi pemimpin NGO dalam penghargaan kendiri dan *mindset* NGO.<br>3. Memberi pengetahuan dan kemahiran berkenaan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara serta dasar-dasar berkaitan perpaduan. | • Pemimpin NGO | • KPN<br>• KBS<br>• KDN<br>• IPT | Berperingkat sepanjang tahun | 1. 50 peserta bagi setiap program<br>2. Sekurang-kurangnya 20 orang pemimpin NGO yang kompeten |
| Cakna ICT | 1. Memberi pengetahuan dan kemahiran ICT dalam kalangan pemimpin NGO.<br>2. Memperkasa kemahiran teknologi maklumat dalam kalangan pemimpin NGO.<br>3. Membudayakan penggunaan ICT sebagai medium perhubungan dalam kalangan pemimpin NGO. | • Pemimpin NGO | • KPN<br>• SKMM<br>• IPT | 2 kali setahun | 50 peserta bagi setiap program |
| Kursus Silang Budaya | 1. Memberi pengetahuan kepada pemimpin NGO berkenaan dengan silang budaya.<br>2. Memberi kefahaman mengenai silang budaya melalui interaksi dan komunikasi. | Pemimpin NGO | • KPN<br>• KBS<br>• KDN<br>• IPT | Berperingkat sepanjang tahun | 1. 50 peserta bagi setiap program<br>2. Sekurang-kurangnya 20 orang pemimpin NGO yang kompeten |

# TERAS 1

MEMPERKUKUH KEPIMPINAN NGO SEBAGAI PEMANGKIN PERPADUAN

# STRATEGI 2

MEMPERKASA NILAI INTEGRITI DAN KEPIMPINAN NGO

# STRATEGI 2

## MEMPERKASA NILAI INTEGRITI DAN KEPIMPINAN NGO

| TERAS 1: MEMPERKUKUH KEPIMPINAN NGO SEBAGAI PEMANGKIN PERPADUAN | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **STRATEGI 2: MEMPERKASA NILAI INTEGRITI DAN KEPIMPINAN NGO** | | | | | |
| **Program** | **Objektif** | **Kumpulan Sasar** | **Cadangan Peluang Kerjasama** | **Jangka Masa** | **Output** |
| Program Budaya Integriti (BudI) | 1. Memberi pengetahuan kepada pemimpin NGO tentang integriti dan kepentingannya di dalam organisasi.<br>2. Menerapkan budaya kerja yang berintegriti dan mulia dalam kalangan pemimpin NGO. | • Pemimpin NGO | • KPN<br>• KDN<br>• SPRM<br>• IIM<br>• IPT | 2 kali setahun | 50 peserta bagi setiap program |
| Program Pembangunan Bakat | 1. Meningkatkan penglibatan pelbagai generasi sebagai pemimpin NGO.<br>2. Mencungkil bakat bagi melestarikan kepimpinan NGO. | • NGO Belia<br>• Persatuan Penduduk<br>• Komuniti | • KPN<br>• KBS<br>• IPT | 2 kali setahun | 1. 50 peserta bagi setiap program<br>2. Karnival pencarian bakat |
| Kepimpinan Wibawa dan Sejahtera (WiSe) | 1. Menyemai sikap kepimpinan wibawa dan ideal dalam kalangan pemimpin NGO.<br>2. Memperkukuh kesejahteraan fizikal, mental dan emosi yang stabil dan sihat dalam kalangan pemimpin NGO. | • NGO Belia<br>• Persatuan Penduduk<br>• Komuniti | • KPN<br>• KBS<br>• KKM<br>• IPT | 2 kali setahun | 1. 100 peserta bagi setiap program<br>2. Melahirkan sekurang-kurangnya 4 pemimpin |

# TERAS 1

MEMPERKUKUH KEPIMPINAN NGO SEBAGAI PEMANGKIN PERPADUAN

# STRATEGI 3

## MENINGKATKAN KUALITI KEPIMPINAN DAN TADBIR URUS NGO

# STRATEGI 3

## MENINGKATKAN KUALITI KEPIMPINAN DAN TADBIR URUS NGO

| TERAS 1: MEMPERKUKUH KEPIMPINAN NGO SEBAGAI PEMANGKIN PERPADUAN | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **STRATEGI 3:MENINGKATKAN KUALITI KEPIMPINAN DAN TADBIR URUS NGO** | | | | | |
| **Program** | **Objektif** | **Kumpulan Sasar** | **Cadangan Peluang Kerjasama** | **Jangka Masa** | **Output** |
| Forum Kepimpinan NGO | 1. Perkongsian pengetahuan dan pengalaman pemimpin NGO.<br>2. Menyediakan platform perkongsian amalan terbaik kepimpinan dan tadbir urus NGO.<br>3. Mewujudkan kerjasama pemimpin di peringkat serantau dan antarabangsa. | • Pemimpin NGO<br>• Pemimpin belia | • KPN<br>• KBS<br>• IPT | 2 kali setahun | 1. 100 orang peserta bagi setiap penganjuran<br>2. Penerbitan hasil penganjuran<br>3. Keterlihatan dalam media massa |
| Latihan Kemahiran Mediasi | 1. Memberi pengetahuan kepada pemimpin NGO berkenaan kemahiran, punca krisis dan cara penyelesaian pengurusan konflik.<br>2. Melatih pemimpin NGO untuk menguasai kemahiran mediasi dalam komuniti. | • Pemimpin NGO | • KPN<br>• KBS<br>• KDN<br>• IPT | 2 kali setahun | 1. 50 peserta bagi setiap program<br>2. Sekurang-kurangnya 10 orang pemimpin NGO diiktiraf sebagai mediator komuniti |

# KEBERHASILAN TERAS PERTAMA

## MEMPERKUKUH KEPIMPINAN NGO SEBAGAI PEMANGKIN PERPADUAN

**KEBERHASILAN TERAS PERTAMA:**
**MEMPERKUKUHKAN KEPIMPINAN NGO SEBAGAI PEMANGKIN PERPADUAN**

# KEBERHASILAN TERAS PERTAMA

i. Memperkasa organisasi melalui sistem tadbir urus yang cekap.

ii. Melahirkan pemimpin NGO yang berpengetahuan, berintegriti dan bertanggungjawab.

iii. Memperkukuh peranan kepimpinan NGO sebagai penggerak agenda perpaduan nasional.



# TERAS 2

## MEMPERTEGUH PERANAN NGO DALAM MEMBINA TAPAK INTEGRASI NASIONAL



# TERAS 2

## MEMPERTEGUH PERANAN NGO DALAM MEMBINA TAPAK INTEGRASI NASIONAL




Teras Kedua memberi tumpuan kepada usaha memperteguh peranan NGO dalam membina tapak integrasi nasional. Teras ini mengandungi dua (2) strategi utama iaitu: (i) mempergiatkan hubungan dan kerjasama dalam kalangan jaringan NGO; dan (ii) memperluas jangkauan NGO dipelbagai sektor. Tapak integrasi nasional merujuk kepada platform atau medium pertemuan pelbagai pihak khususnya NGO untuk merapatkan hubungan dan jalinan kerjasama di antara masyarakat dalam satu-satu kawasan. Melalui tapak integrasi nasional pelbagai program dan aktiviti masyarakat dapat dilaksanakan secara kolektif oleh NGO dengan mengambil kira sensitiviti setiap kaum.

Usaha membina tapak integrasi nasional memberi ruang kepada NGO untuk memainkan peranan yang lebih aktif dalam menjalankan tanggungjawab memberi khidmat bakti kepada masyarakat secara sukarela. Sebanyak dua belas (12) program dirancang untuk menyokong teras ini.

# STRATEGI

## STRATEGI 1

Mempergiatkan hubungan dan kerjasama dalam kalangan jaringan NGO

**3 Program**

## STRATEGI 2

Memperluas jangkauan NGO di pelbagai sektor

**9 Program**



# TERAS 2

MEMPERTEGUH PERANAN
NGO DALAM MEMBINA
TAPAK INTEGRASI NASIONAL

---

# STRATEGI 1

MEMPERGIATKAN
HUBUNGAN DAN
KERJASAMA DALAM
KALANGAN JARINGAN NGO

# STRATEGI 1

## MEMPERGIATKAN HUBUNGAN DAN KERJASAMA DALAM KALANGAN JARINGAN NGO

| TERAS 2: MEMPERTEGUH PERANAN NGO DALAM MEMBINA TAPAK INTEGRASI NASIONAL | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **STRATEGI 1: MEMPERGIATKAN HUBUNGAN DAN KERJASAMA DALAM KALANGAN JARINGAN NGO** | | | | | |
| **Program** | **Objektif** | **Kumpulan Sasar** | **Cadangan Peluang Kerjasama** | **Jangka Masa** | **Output** |
| Program SEDAYA (Silang Budaya antara NGO) | 1. Membina tapak integrasi nasional dengan kerjasama sesama NGO melalui program silang budaya.<br>2. Membina tapak integrasi nasional dengan kerjasama pihak swasta dalam penganjuran program silang budaya. | • NGO<br>• KRT<br>• SRN<br>• KRN | • KPN<br>• KBS<br>• KPT<br>• KPM<br>• MOTAC<br>• Syarikat Swasta | 4 kali setahun | 1. Melaksanakan program silang budaya dengan kerjasama sekurang-kurangnya 2 NGO<br>2. Melaksanakan program silang budaya dengan sekurang-kurangnya 1 syarikat swasta<br>3. Melibatkan 50 orang peserta bagi setiap program |
| NGO-Xchange (Program Pertukaran pendapat dalam memperkasakan hubungan dan kerjasama antara NGO) | 1. Memperkukuh hubungan antara NGO dalam mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional.<br>2. Memperteguh kerjasama NGO sebagai rakan pintar dalam pelaksanaan program perpaduan dan integrasi nasional. | • NGO<br>• KRT<br>• SRN<br>• KRN | • KPN<br>• KBS<br>• IPT | 3 kali setahun | 1. Memperkasakan hubungan antara NGO dan pemegang taruh yang relevan<br>2. Kerjasama dan penglibatan sekurang-kurangnya oleh 10 NGO<br>3. Minimum 50 penyertaan |

| TERAS 2: MEMPERTEGUH PERANAN NGO DALAM MEMBINA TAPAK INTEGRASI NASIONAL | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **STRATEGI 1: MEMPERGIATKAN HUBUNGAN DAN KERJASAMA DALAM KALANGAN JARINGAN NGO** | | | | | |
| **Program** | **Objektif** | **Kumpulan Sasar** | **Cadangan Peluang Kerjasama** | **Jangka Masa** | **Output** |
| Penganjuran Sidang Kemuncak *(Summit)* Belia | 1. Perkongsian pengetahuan dan pengalaman antara NGO berteraskan belia dalam mengurus tapak perpaduan dan integrasi nasional.<br>2. Memperkasa NGO berteraskan belia dalam mengurus isu-isu perpaduan. | • IPT | • KPN<br>• KBS<br>• KPT<br>• KPM<br>• SRN | 1 kali setahun | 1. Penerbitan hasil penganjuran<br>2. Keterlihatan dalam media massa<br>3. Sekurang-kurangnya 15 pembentang kertas kerja melibatkan 250 penyertaan |



# TERAS 2

MEMPERTEGUH PERANAN
NGO DALAM MEMBINA
TAPAK INTEGRASI NASIONAL

# STRATEGI 2

MEMPERLUAS JANGKAUAN
NGO DI PELBAGAI SEKTOR

# STRATEGI 2

## MEMPERLUAS JANGKAUAN NGO DI PELBAGAI SEKTOR

| TERAS 2: MEMPERTEGUH PERANAN NGO DALAM MEMBINA TAPAK INTEGRASI NASIONAL | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **STRATEGI 2: MEMPERLUAS JANGKAUAN NGO DI PELBAGAI SEKTOR** | | | | | |
| **Program** | **Objektif** | **Kumpulan Sasar** | **Cadangan Peluang Kerjasama** | **Jangka Masa** | **Output** |
| Taman Uniti (Pembinaan Taman Perpaduan) | 1. Membina Taman Perpaduan untuk NGO dan komuniti berinteraksi demi mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional.<br>2. Merapatkan hubungan antara NGO dan masyarakat.<br>3. Mempromosikan permainan tradisi antara etnik seperti kesukanan dan kebudayaan. | • Belia<br>• Pemimpin Komuniti<br>• Ahli Parlimen | • KPN<br>• KPKT<br>• KBS<br>• KRT | Sepanjang tahun | 1. 1 Taman Uniti di setiap negeri<br>2. 50 ahli NGO dan komuniti terlibat |
| Sukan Uniti (Penganjuran Sukan Perpaduan) | 1. Merapatkan hubungan antara pemimpin dan ahli NGO bersama komuniti dalam kegiatan kesukanan untuk mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional.<br>2. Meningkatkan kesedaran NGO dan masyarakat mengenai gaya hidup sihat.<br>3. Meningkatkan keterlibatan NGO sebagai penganjur Sukan Perpaduan secara fizikal dan e-Sukan. | • Belia<br>• Komuniti<br>• Pelajar | • KPN<br>• KBS<br>• KPM<br>• IPT<br>• KRT | 2 kali setahun | 1. Setiap negeri menganjurkan Sukan Perpaduan antara NGO dan komuniti secara fizikal atau e-Sukan<br>2. 50 penyertaan untuk 1 kegiatan Sukan Perpaduan di setiap Negeri |

| TERAS 2: MEMPERTEGUH PERANAN NGO DALAM MEMBINA TAPAK INTEGRASI NASIONAL | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **STRATEGI 2: MEMPERLUAS JANGKAUAN NGO DI PELBAGAI SEKTOR** | | | | | |
| **Program** | **Objektif** | **Kumpulan Sasar** | **Cadangan Peluang Kerjasama** | **Jangka Masa** | **Output** |
| Penganjuran Debat Perpaduan | 1. Membina persefahaman melalui debat dalam mengurus isu-isu perpaduan.<br>2. Meningkatkan kesedaran pemimpin dan ahli NGO mengenai kepentingan perpaduan dan integrasi nasional.<br>3. Mengangkat perpaduan melalui aktiviti bahasa. | • Belia<br>• Komuniti<br>• Pelajar | • KPN<br>• KBS<br>• KPT<br>• KPM<br>• DBP<br>• IPT<br>• SRN<br>• KRN<br>• KRT | 2 kali setahun | 1. Setiap Negeri menganjur Debat Perpaduan<br>2. 20 penyertaan bagi setiap Debat Perpaduan atau program Bahasa di setiap Negeri |
| Lawatan NGO di Pusat Kebudayaan dan Institusi Agama | Mengukuhkan pengetahuan pemimpin NGO dan ahlinya mengenai kepelbagaian masyarakat Malaysia. | • Belia<br>• Komuniti<br>• Pelajar<br>• NGO Agama | • KPN<br>• KBS<br>• KPT<br>• KPM<br>• IPT<br>• SRN<br>• KRN<br>• KRT | 2 kali setahun | 1. Melibatkan lawatan ke pusat kebudayaan dan institusi agama di setiap Negeri<br>2. Melibatkan penyertaan 5 NGO untuk setiap sesi lawatan di pusat kebudayaan dan institusi agama di setiap Negeri |

| TERAS 2: MEMPERTEGUH PERANAN NGO DALAM MEMBINA TAPAK INTEGRASI NASIONAL | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **STRATEGI 2: MEMPERLUAS JANGKAUAN NGO DI PELBAGAI SEKTOR** | | | | | |
| **Program** | **Objektif** | **Kumpulan Sasar** | **Cadangan Peluang Kerjasama** | **Jangka Masa** | **Output** |
| Majlis Jamuan Rakyat Bersama NGO | Mengukuhkan hubungan antara pemimpin dan ahli NGO | • NGO<br>• Pemimpin | • KPN<br>• Ahli<br>• Parlimen | 1 kali setahun | Melibatkan penyertaan 10 NGO untuk jamuan rakyat di setiap negeri |
| Pertandingan /persembahan Muzik dan Tarian Etnik | 1. Menghargai kepelbagaian melalui persembahan muzik dan tarian etnik<br>2. Meningkatkan hubungan dan kerjasama antara NGO untuk mempromosi muzik dan tarian etnik untuk perpaduan. | • Belia<br>• Komuniti<br>• Pelajar | • KPN<br>• MOTAC<br>• KPM<br>• KPT<br>• IPT<br>• SRN<br>• KRN<br>• KRT | 3 kali setahun | 1. Melibatkan pusat kebudayaan di IPT dan negeri<br>2. Melibatkan sekurang-kurangnya 10 penyertaan untuk setiap persembahan muzik dan tarian etnik di IPT dan negeri |
| Penganjuran Sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia | 1. Menghargai kepentingan sejarah untuk mengukuhkan patriotisme dan perpaduan.<br>2. Mengukuhkan jati diri dan patriotisme. | • Belia<br>• Komuniti<br>• Pelajar | • KPN<br>• MOTAC<br>• KPM<br>• KPT<br>• ARKIB<br>• IPT<br>• SRN<br>• KRN<br>• KRT | 2 kali setahun | Penglibatan NGO dan komuniti pelbagai kaum |

**TERAS 2: MEMPERTEGUH PERANAN NGO DALAM MEMBINA TAPAK INTEGRASI NASIONAL**

**STRATEGI 2: MEMPERLUAS JANGKAUAN NGO DI PELBAGAI SEKTOR**

| Program | Objektif | Kumpulan Sasar | Cadangan Peluang Kerjasama | Jangka Masa | Output |
|---|---|---|---|---|---|
| Program Penjagaan Alam Sekitar (ALAM) | Menghargai kepentingan alam semulajadi dan persekitaran | • Belia<br>• Komuniti<br>• Pelajar | • KPN<br>• KPM<br>• KPT<br>• MOTAC<br>• IPT<br>• KRT | 4 kali setahun | Penglibatan komuniti seramai 50 orang dalam setiap program |
